



# **SKIM LATIHAN INDUSTRI**

# **UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**Unit Pengajian Lanjutan  
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia  
Jabatan Pendaftar**

## **SKIM LATIHAN INDUSTRI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

Skim Latihan Industri Universiti Utara Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai "latihan industri") merupakan satu bentuk latihan sangkutan bagi kakitangan akademik dan bukan akademik UUM (selepas ini disebut sebagai pegawai) di industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi kerajaan.

### **1.0 TUJUAN**

#### **1.1 Latihan atau Pengalaman Kerja di Industri atau NGO atau Agensi Kerajaan**

- (a) Mendapatkan kelayakan profesional dalam sesuatu bidang khusus seperti perakaunan, kejuruteraan, undang-undang dan lain-lain yang diiktiraf oleh badan tertentu; atau
- (b) Memperoleh pengalaman di industri atau NGO atau agensi kerajaan terutamanya bagi bidang sains sosial, ekonomi, sains dan teknologi, pengajian Islam dan lain-lain bidang yang tidak mempunyai kelayakan profesional; atau
- (c) Memahami dengan lebih mendalam tentang keperluan dan operasi sesebuah organisasi atau industri atau suatu bentuk perniagaan yang dapat diaplikasikan dalam proses pengajaran kepada para pelajar atau dalam proses pengurusan organisasi;

#### **1.2 Penyelidikan Bersama Industri atau NGO atau Agensi Kerajaan**

- (a) Menambah dan meluaskan pengalaman kakitangan dalam bidang kepakaran; atau
- (b) Meneroka bidang baru berdasarkan permintaan pasaran semasa; atau
- (c) Menjalankan penyelidikan di industri yang memberi nilai tambah kepada hasil penyelidikan, pihak industri yang terlibat serta universiti; atau
- (d) Membangunkan material atau kajian kes yang relevan bagi pembangunan pengajaran dan penyelidikan.

## **2.0 SYARAT KELAYAKAN**

Pegawai yang memenuhi syarat berikut layak dipertimbangkan:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Telah disahkan dalam jawatan;
- (c) Telah genap tiga (3) tahun perkhidmatan;
- (d) **Pada tarikh pegawai akan menghabiskan latihan industri, pegawai mestilah berumur tidak melebihi:**
  - (i) **Jika tempoh latihan industri adalah tiga (3) hingga enam (6) bulan:**
    1. **56 tahun jika umur bersara wajib pegawai adalah 58 tahun; atau**
    2. **58 tahun jika umur bersara wajib pegawai adalah 60 tahun;**

**(Contohnya jika pegawai bersara wajib pada umur 58 tahun, umur semasa tamat program hendaklah tidak melebihi 57 tahun)**
  - (ii) **Jika tempoh latihan industri adalah tujuh (7) hingga dua belas (12) bulan:**
    1. **55 tahun jika umur bersara wajib pegawai adalah 58 tahun; atau**
    2. **57 tahun jika umur bersara wajib pegawai adalah 60 tahun.**

**(Contohnya jika pegawai bersara wajib pada umur 58 tahun, umur semasa tamat program hendaklah tidak melebihi 56 tahun)**
- (e) Diperakukan oleh Ketua Jabatan;

**Perakuan Ketua Jabatan ini termasuklah ketiadaan pegawai yang akan mengikuti latihan industri tidak akan menjelaskan tugas-tugas pengajaran di kolej atau tugas-tugas pentadbiran di jabatan dan tiada staf baharu yang akan dilantik secara kontrak bagi menggantikan pegawai sepanjang tempoh pegawai mengikuti latihan industri.**
- (f) Pegawai telah genap lima (5) tahun atau lebih bagi permohonan baru setelah mengikuti latihan industri sebelum ini.

### **3.0 TEMPOH LATIHAN**

Tempoh mengikuti latihan industri ialah di antara tiga (3) hingga dua belas (12) bulan.

### **4.0 PERMOHONAN**

- 4.1 Borang permohonan untuk mengikuti latihan industri boleh diperoleh di laman web Jabatan Pendaftar di alamat <http://www.uum.edu.my/pend/pl/muatturun.htm>.
- 4.2 Permohonan hendaklah dikemukakan bersama surat persetujuan daripada institusi yang menerima pegawai untuk mengikuti latihan industri.
- 4.3 Borang permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Jabatan Pendaftar melalui Dekan Pusat Pengajian tidak kurang daripada tiga (3) bulan sebelum bermula latihan industri.
- 4.4 Kakitangan akademik hendaklah merujuk dan mendapat perakuan daripada Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC) dan mengemukakan perakuan tersebut bersama borang permohonan.

### **5.0 TANGGUNGJAWAB, SKOP LATIHAN DAN TUGASAN**

- (a) Tanggungjawab pegawai yang mengikuti latihan industri ialah menumpukan sepenuhnya perhatian terhadap latihan yang diikuti dan menyelesaiannya di dalam tempoh sebagaimana yang diluluskan oleh Universiti.
- (b) Skop latihan perlu sesuai dengan organisasi di mana latihan industri diikuti.
- (c) Tugasan yang boleh dilaksanakan termasuklah penyelidikan, perundingan, latihan teknikal, pembangunan model dan apa jua jenis latihan yang diklasifikasikan sebagai mempunyai nilai tambah kepada pegawai dan Universiti.

### **6.0 KEMUDAHAN DAN ELAUN**

- (a) Pegawai yang mengikuti latihan industri diberi kemudahan Cuti Bergaji Penuh (Cuti Tanpa Rekod) seperti berikut:
  - (i) Gaji penuh mengikut jawatan kakikinya;
  - (ii) Elaun Sara Hidup RM1000.00 (luar Kedah) dan RM500.00 (Kedah dan Perlis) sebulan;

Jika program Penempatan Industri ini dijalankan di luar negara, Elaun Sara Hidup kadar luar negara adalah mengikut Kadar Biasiswa dan Pinjaman Pelajaran Luar Negara Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kadar Biasiswa Persekutuan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia Skim Cuti Belajar SLAB atau SLAI berkaitan elauan dan sara hidup semasa;

- (iii) Elaun Pakaian Panas (untuk latihan yang diikuti di luar negara). Elaun ini tidak akan dibayar jika pegawai pernah menerima daripada Universiti atau daripada mana-mana hadiah yang diperolehi melalui Universiti dalam tempoh tiga (3) tahun yang lalu;
  - (iv) Insuran kesihatan bagi pegawai yang mengikuti latihan industri di luar negara;
  - (v) Tambang perjalanan (mengikut kelayakan) pergi dan balik ke tempat latihan industri diikuti;.
- (b) Elaun Sara Hidup tidak akan diberi sekiranya pihak majikan di mana pegawai menjalani latihan industri memberi sebarang elauan atau gaji kepada pegawai yang mana jumlahnya melebihi Elaun Sara Hidup seperti di para (a) (ii) di atas.
- (c) Jika jumlah elauan atau gaji yang diberi oleh pihak majikan di mana latihan industri diikuti kurang dari Elaun Sara Hidup yang diberi oleh pihak Universiti seperti di para (a) (ii) di atas, maka jumlah perbezaan tersebut akan dibayar oleh Universiti.
- (d) Sepanjang tempoh menjalani latihan industri, elauan-elauan khas pentadbiran yang diterima oleh pegawai akan diberhentikan.

## **7.0 PENAMATAN PROGRAM**

Universiti berhak menamatkan latihan industri pegawai sekiranya pegawai;

- (a) Tidak mengikuti latihan industri industri sepenuhnya;
- (b) Meninggalkan tempat latihan tanpa kebenaran bertulis daripada Universiti;
- (c) Berkelakuan tidak baik semasa mengikuti latihan industri sehingga menjadikan dirinya tidak sesuai untuk berkhidmat sebagai penjawat awam.

## **8.0 PERJANJIAN**

Sebelum dibenarkan memulakan latihan industri, pegawai hendaklah menandatangani perjanjian untuk berkhidmat dengan Universiti ini bagi suatu tempoh yang ditetapkan seperti berikut:

	<b>Tempoh Latihan Industri</b>	<b>Tempoh Ikatan Perjanjian</b>
1.	Tiga (3) hingga enam (6) bulan.	Satu (1) tahun atau gantirugi sebanyak RM10,000.00
2.	Tujuh (7) hingga dua belas (12) bulan	Dua (2) tahun atau gantirugi sebanyak RM20,000.00

## **9.0 AM**

Pegawai yang menjalani latihan industri akan hilang kelayakan apa-apa cuti rehat yang mungkin dikumpulkan sebelum dia memulakan program latihan industri dan hendaklah disifatkan telah luput mulai dari tarikh dia memulakan program latihan industri;

Dengan syarat bahawa seseorang pegawai yang dibenarkan menjalani latihan industri sepenuhnya di luar Malaysia dan Singapura boleh dibenarkan mengambil cuti maksimum sebanyak empat belas hari (14) hari daripada cuti rehat yang terkumpul itu sebaik sahaja habis tamat latihan industri.

**Dikemaskini oleh :**      **Unit Pengajian Lanjutan**  
**Bahagian Pembangunan Sumber Manusia**  
**Jabatan Pendaftar**  
**Tarikh :**                    **26 Januari 2013**

**Diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Ke-195 Bil. 2/2014 pada 16 Mac 2014.**